



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH PERSEKITARAN FIZIKAL BILIK DARJAH TERHADAP TAHAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

SHASA AMANINA BT KAMALRUZAMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH FAKTOR PERSEKITARAN FIZIKAL BILIK DARJAH TERHADAP TAHAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

SHASA AMANINA BT KAMALRUZAMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN)

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

i

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan”



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tandatangan : 

Nama : SHASA AMANINA BT KAMALRUZAMAN

No. kad pengenalan : 950918145000

No. matrik : D20161074147

Tarikh : 



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Assalamualikum dan Salam Sejahtera

Alhamdullilah, segala puji bagi Allah S.W.T yang maha pemurah kerana dengan limpah kurnianya, saya diberi kekuatan dan semangat untuk melaksanakan dan menyiapkan kajian ini

Setinggi –tinggi penghargaan kepada ibubapa tercinta yang sentiasa berada dalam ingatan di atas sokongan tanpa berbelah bahagi yang telah diberikan. Doa saya semoga Allah S.W.T memberi kebahagiaan, keselamatan, kesihatan yang sempurna buat kalian.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah penyelia yang saya hormati dan kasihi Dr Norlaile binti Salleh Hudin dari fakulti pengurusan dan ekonomi , Universiti Pendidikan Sultan Idris. Segala tunjuk ajar, nasihat, pandangan dan dorongan yang diberikan untuk menyiapkan kajian ini amat saya hargai.

Penghargaan buat rakan-rakan seperjuangan saya yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar dan sentiasa berkongsi ilmu dan secara tidak langsung menyumbang tenaga ketika susah senang dalam menyiapkan kajian ini. Segala memori dan kenangan yang tercipta bersama akan sentiasa berada dalam ingatan buat selamanya.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penglibatan daripada pelbagai pihak memberi keberkaran dan membalias dengan kebaikan juga. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor persekitaran fizikal bilik darjah yang mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 di SMK seksyen 10 Kota Damansara. Tiga faktor persekitaran fizikal bilik darjah telah dipilih untuk mengetahui pengaruh terhadap tahap pencapaian akademik pelajar. faktor-faktor berkenaan adalah kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran. Kajian ini berbentuk kuantitatif. Soal selidik kajian ini telah diadaptasi dan diubahsuai daripada instrument kajian-kajian lepas. Seramai 30 orang telah dipilih sebagai responden bagi kajian rintis dan 146 orang responden bagi kajian sebenar. Data analisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. deskriptif digunakan untuk melihat frekuensi, min dan peratusan reponden. Data inferensi berganda digunakan untuk melihat pengaruh faktor persekitaran fizikal bilik darjah terhadap pencapaian akademik pelajar. dapatan kajian menunjukkan tahap pengaruh faktor kedudukan tempat duduk dan susun atur meja di dalam tahap sederhana.oleh itu, persekitaran fizikal bilik darjah perlu diberi perhatian yang sewajarnya dan dirancang dengan teliti kerana suasana dan persekitaran yang konduktif mampu mempengaruhi suasana, penjanaan idea, penglibatan dan pencapaian akademik pelajar.





ABSTRACT

This study aims to identify factors in the physical environment of the classroom that influence the level of academic achievement of grade 4 students in SMK section 10 Kota Damansara. There are three factors in the physical environment of the classroom were selected to determine the impact on students' academic achievement. These factors are seating, desk layout and study space. This study is in formative. The research questionnaire was adapted from previous research instruments. A total of 30 respondents were selected for the pilot study and 146 respondents for the actual study. Data analysis uses descriptive and inference analysis. Descriptive is used to see the frequency, mean, and percentage of repondents. Multiple inference data were used to look at factors that influence classroom physical factors on students' academic achievement. The findings show that the level of influence of seating and desk layout is modest. Therefore, the physical environment of the classroom needs to be carefully considered and carefully planned because the environment of class room can influence the student's mood, idea of formation, engagement and academic achievement.





SENARAI KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x



BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang	3
1.3 Penyataan masalah	6
1.4 Objektif kajian	9
1.5 Persoalan kajian	9
1.6 Definisi operasi	10
1.6.1 Persekutaran fizikal	10
1.6.2 Kedudukan tempat duduk	10
1.6.3 Susun Atur Meja	11
1.6.4 Ruang pembelajaran	11
1.6.5 Pencapaian akademik	11





1.7 Struktur kajian	12
1.8 Skop dan Batasan Kajian	12
1.9 Kesimpulan	14
BAB 2	15
TINJAUAN LITERATUR	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Persekutaran fizikal bilik darjah	16
2.3 Konsep pembelajaran di dalam bilik darjah	16
2.4 Faktor persekitaran fizikal bilik darjah	17
2.4.1 Kedudukan tempat duduk di dalam bilik darjah	17
2.4.2 Susun Atur Meja di dalam Bilik Darjah	20
2.4.3 Ruang pembelajaran	22
2.5 Jenis susun atur meja di sekolah Malaysia	24
2.5.1 Susun atur meja traditional	24
2.5.2 Susun atur meja U-shape/ horseshoe	24
2.5.3 Susun atur meja secara berkumpulan	25
2.6 Teori gaya pembelajaran Dunn & Dunn (1978)	26
2.7 Kerangka Konsep Kajian	28
BAB 3	29
METODOLOGI	29
3.1 Pengenalan	29
3.2 Reka Bentuk Kajian.	30
3.3 Populasi dan Persampelan Kajian	30
3.4 Instrumen Kajian	31





3.5 Prosedur Kajian	33
3.6 Kajian rintis	34
3.7 Kaedah Analisis Data	36
3.8 Kesimpulan	37
BAB 4	38
DAPATAN KAJIAN	38
4.1 Pengenalan	38
4.2 Analisis deskriptif	39
4.2.1 Analisis demografi pelajar	39
4.3 Skor Min dan sisihan piawai faktor persekitaran fizikal bilik darjah dan Tahap Pencapaian Akademik Pelajar	41
4.3.1 Analisis Inferensi	43
4.3.1.1 Regrasi berganda	43
4.7 Rumusan	48
BAB 5	49
PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN RUMUSAN	49
5.1 Pengenalan	49
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	50
5.3 Implikasi Kajian	51
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	53
5.5 Rumusan	54
RUJUKAN	56
LAMPIRAN	61





SENARAI JADUAL

No jadual	Muka surat
3.1 Sumber rujukan bagi adaptasi instrument soal selidik	32
3.2 Ringkasan bahagian, faktor dan bilangan item dalam boring soal selidik	33
3.3 <i>Alfa cronbach</i> kebolehpercayaan item di dalam konstruk faktor kedudukan tempat duduk	35
3.4 <i>Alfa cronbach</i> kebolehpercayaan konstruk faktor Susun atur meja	35
3.5 <i>Alfa cronbach</i> kebolehpercayaan konstruk faktor ruang pembelajaran	36
4.1 Taburan responden berdasarkan demografi	39
4.2 Taburan min & sisiran piawai berdasarkan analisis setiap faktor persekitaran fizikal	42
4.3 Analisis kebolehpercayaan	43
4.4 Model ringkasan	44
4.5 Analisis regresi antara faktor persekitaran fizikal bilik darjah dengan tahap pencapaian akademik pelajar	45
4.6 Analisis hipotesis	47





SENARAI RAJAH

No rajah	Muka surat
2.1 Teori gaya pembelajaran Dunn & Dunn (1978)	27
2.2 Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap pencapaian akademik pelajar	28





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

X

SENARAI SINGKATAN

PAK 21	Pembelajaran Abad Ke 21
KPM	Kementerian pelajaran malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
KBAT	Kemahiran berfikir aras tinggi
IPT	Institut pengajian tinggi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta merta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Melalui falsafah pendidikan di atas Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memberi pelbagai ruang dan peluang kepada murid untuk membangunkan potensi perkembangan akademik dan sahsiah diri mereka. Salah satu usaha KPM adalah dengan mewujudkan pembelajaran abad ke 21 di sekolah-sekolah di Malaysia. Menurut KPM lagi PAK21 ialah satu program yang mencetus perkembangan pemikiran tahap tinggi dan mengukuhkan kemahiran penyelesaian masalah.





Dalam konteks di Malaysia, KPM telah mengenal pasti kemahiran abad ke 21 yang bersesuaian dengan konteks tempatan dan dapat menyediakan lebih banyak bilik darjah di sekolah sekolah di Malaysia. Pendidikan di Malaysia kini mengamalkan pembelajaran abad ke 21 (PAK21) dengan menumpukan pembelajaran berpusatkan pelajar secara aktif. (Kementerian pendidikan Malaysia 2015)

Pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) telah menjadi pemangkin kepada transformasi proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Selaras dengan penambahan item KBAT dalam pentaksiran sekolah dan pentaksiran pusat, proses pembelajaran lebih tertumpu kepada kerja kumpulan dan projek dan seterusnya dapat memupuk nilai sejahtera dan mengalakkan pembangunan holistik murid melalui tugas berbentuk kolaoratif (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015)

Menurut KPM pembelajaran abad ke 21 ialah satu platform yang dilaksanakan untuk menggalakkan persekitaran bilik darjah yang lebih dinamik bagi mencetus perkembangan pemikiran tahap tinggi dan mengukuhkan kemahiran penyelesaian masalah. Oleh itu, penting bagi memastikan PAK 21 di Malaysia dapat dijalankan di sekolah dengan baik dengan menitik beratkan faktor-faktor pengaruh persekitaran bilik darjah di dalam kelas dan kesannya terhadap pembelajaran murid di sekolah.

Secara umumnya di sekolah, bilik darjah merupakan tempat pelajar menghabiskan kebanyakan masa mereka. Oleh itu persekitaran bilik darjah sangat penting dalam memastikan proses pembelajaran abad ke 21 berjalan dengan lancar. Pembelajaran akan lebih efektif dan berkesan dengan adanya kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran yang selesa di dalam bilik darjah.

Menurut Martin, (2006) Curwin dan Mendler, (1998) bilik darjah secara tidak langsung memberi kesan yang agak besar kepada pelajar. Oleh itu, persekitaran fizikal bilik darjah yang kondusif dapat menggalakkan aktiviti intelektual, persahabatan, kerjasama dan sokongan di samping menggalakkan pembelajaran dan perkembangan pelajar. (Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman dan Lilia Halim 2010)

Bilik darjah juga telah menjadi salah satu cara yang paling lama yang digunakan di dalam pendidikan. Di Malaysia, bilik darjah telah menjadi tempat untuk





menyampaikan ilmu dari zaman sebelum merdeka sehingga diteruskan sehingga masa kini. (Jowati Juhary 2012).

Sehubungan dengan itu, pentingnya kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran di dalam bilik darjah bagi menjayakan hasrat kementerian untuk melahirkan warganegara yang lebih kreatif. Maka, bilik darjah yang memberi persekitaran yang selesa dapat mempengaruhi kesan yang positif di dalam proses pembelajaran dan dapat meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar. (Lixi et. al, 2017) juga berpendapat pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh jenis bilik darjah, dan kedudukan tempat duduk di dalam bilik darjah.

Pihak kerajaan juga sedaya upaya telah mengubah dan menambahbaik persekitaran fizikal bilik darjah bagi memastikan pelajar dapat menimba ilmu pelajaran dengan selesa dan dapat menjalankan segala aktiviti yang diadakan di dalam kelas tanpa kekangan.



1.2 Latar belakang

Persekitaran bilik darjah sangat penting kepada pelajar hal ini kerana pelajar menghabiskan sebahagian masa mereka di dalam bilik darjah bersama guru dan rakan-rakan. Bilik darjah juga merupakan tapak permainan bagi pelajar di sekolah. Oleh itu menjadi satu cabaran kepada PAK21 untuk mengubah dan membentuk pendidikan yang bersesuaian dengan objektif PAK21. Rupa dan bentuk pendidikan yang sesuai dengan generasi abad ke 21 telah banyak diperkataan dalam penulisan yang mampu mengulas mengenai pendidikan masa kini dan masa hadapan. (PADU 2015).

Tambahan PADU lagi di dalam konteks bilik darjah di Malaysia, mengikut PAK21 terdapat beberapa susun atur kelas abad ke 21. Susun atur meja membolehkan pelajar berinteraksi dan melaksanakan kolaborasi bagi meningkatkan kemahiran berfikir. Kementerian pembelajaran juga menyatakan persekitaran bilik darjah yang kondusif sangat penting kerana akan mengalakkan pembelajaran yang berkesan.





Di dalam Panduan Pelaksanaan PAK21 (2017) terdapat kemahiran kemahiran kritikal yang seharusnya dikuasai dalam PAK21 yang dikemukakan oleh persatuan pendidikan amerika menyatakan terdapat empat kemahiran spesifik yang paling penting ialatu kemahiran pemikiran kritikal, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti. Dari penyataan ini penting bagi memastikan sekolah mempunyai persekitaran bilik darjah, susun atur meja dan ruang pembelajaran yang bersesuaian dengan panduan pelaksanaan supaya pelajar dapat menjalankan aktiviti di dalam bilik darjah dan dapat mengaplikasikan ke empat kemahiran spesifik yang dinyatakan oleh pihak kerajaan. Tambahan lagi, terdapat 1249 buah sekolah rendah dan 665 buah sekolah menengah telah melaksanakan PAK21 di seluruh negeri di Malaysia.

Terdapat kajian lepas telah dijalankan ke atas persekitaran pembelajaran dan beberapa kajian menyatakan terdapat hubungan antara persekitaran fizikal dan persekitaran pembelajaran dengan hasil pembelajaran pelajar daripada aspek pencapaian akademik, kepuasan, keselesaan atau kejayaan pelajar. Tambahan lagi, persekitaran fizikal pembelajaran juga boleh mempengaruhi tingkah laku pelajar dan interaksi sosial pelajar di dalam bilik darjah. (Che Nidzam, Noarini Mohammed, Mazlimi Adnan, Marzita Putih dan Hairi Ibrahim, 2014). Oleh itu, penting untuk pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan persekitaran fizikal bilik darjah PAK21 terutamanya di uruskan dan dijalankan dengan baik, selesa dan sesuai bagi memudahkan pelajar mengumpul data secara aktif dan melakukan aktiviti di dalam bilik darjah dengan baik.

Cox (2011) di dalam Lixi et al (2017) menyatakan susun atur bilik darjah yang menarik dan aktif dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar di dalam kelas. Namun, terdapat juga kajian yang menyatakan keselesaan pengajaran dan pembelajaran dapat dikaitkan dengan suasana persekitaran pembelajaran yang selesa dan keselesaan pengajaran dan pembelajaran menjadi satu faktor penyebab kepada kegagalan atau kecemerlangan seseorang pelajar di sekolah. (Che Nizam et. al, 2014).

Menurut kenyataan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) kuantiti pencapaian akademik pelajar diletakkan sebagai satu agenda utama reformasi pendidikan objektif sekolah dan juga kementerian pendidikan adalah untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar oleh itu faktor persekitaran fizikal seperti





kedudukan tempat duduk, ruang pembelajaran dan susunan meja di dalam bilik darjah yang kurang menepati keselesaan pelajar dan juga pembelajaran mampu memberi kesan terhadap pelajar di sekolah.

Keyataan ini di sambung oleh kajian (Parsons, 2017) yang menyatakan bahawa lokasi ruang pembelajaran yang ada di dalam bilik darjah adalah untuk menyokong, memudahkan, merangsang dan meningkatkan pembelajaran dan pembelajaran. Dengan adanya perubahan teknologi terkini, pengajaran, pembelajaran dan reka bentuk kelas. Pengkaji dan pengamal telah mula menangani keperluan untuk pembelajaran secara tidak langsung untuk meningkatkan pembelajaran interaktif dan meningkatkan penglibatan pelajar di dalam bilik darjah.

Terdapat juga beberapa penyelidikan telah membuat kajian tentang bagaimana ruang pembelajaran dapat meningkatkan penglibatan pelajar di dalam kelas. (Rand's dan Gansemer, 2017) juga telah mencadangkan rekonsensualisasi ruang pembelajaran yang berpusatkan pada keperluan dan pengalaman belajar pelajar.



tahap ini agak terhad. Salah satu penyebab kekurangan penglibatan pelajar di dalam kelas antaranya disebabkan oleh perubahan pedagogi di Malaysia, pembelajaran juga lebih lama dari semata mata membaca bahan bacaan dan menerima pengajaran. Guru diharapkan dapat mengemaskini pedagogi di dalam pembelajaran untuk menjadikan pelajar lebih berpusatkan pelajar dan perubahan bilik darjah, susun atur meja dan ruang pembelajaran perlu disesuaikan bagi membolehkan perubahan dan pembelajaran PAK21 dapat dijalankan dengan baik di dalam bilik darjah. (Ford 2016)

Menurut (Jowati Juhary, 2012) menyatakan bahawa menjadi satu cabaran di dalam pengajaran dan pembelajaran di persekitaran pembelajaran di Malaysia ini kerana secara umumnya menurut (Wannarka Dan Ruhl, 2008) para pendidik harus membenarkan naluri seorang pendidik untuk mempamerkan susunan tempat duduk kepada para pelajar. Mereka berpendapat bahawa pelajar menujukkan tahap pembelajaran yang lebih tinggi dan tingkah laku yang lebih sesuai apabila mereka ditugaskan untuk bekerja secara idividu dan duduk di dalam meja sebaris. Namun, di dalam kajian (Ingram, 2008) mendakwa bahawa pelajar akan menjadi lebih berjaya jika bersebelahan dengan rakan mereka yang mempunyai sifat positif ke arah pembelajaran.





Ini bermakna pelajar yang cenderung untuk belajar akan secara automatik menarik rakan-rakannya yang lain untuk belajar dan fokus semasa di dalam bilik darjah.

Justeru itu, aspek fizikal dalam persekitaran pembelajaran seperti kedudukan di dalam kelas, susun atur meja dan ruang pembelajaran di dalam bilik darjah amat penting. Menurut kajian lepas terdapat hubung kait berkaitan dengan aspek fizikal persekitaran bilik darjah dengan tingkah laku dan tahap pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar di sekolah dan ianya masih di tahap kajian. (Hasmah Ibrahim, 2014)

1.3 Penyataan masalah

Pada tahun 2018, kementerian telah bercadang untuk menyediakan sekolah di bawah program transformasi sekolah di bawah program transformasi sekolah 2025 sebagai sekolah model, dalam melaksanakan pembelajaran abad ke 21. Ramai pakar dari bidang pendidikan bersetuju bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu selari bersesuaian dengan perkembangan teknologi siber dan akses yang semakin maju (PADU, 2015).

Beberapa faktor persekitaran fizikal bilik darjah telah diperbaharui salah satunya ialah model susun atur meja dan bilik darjah mengikut PAK21 telah dilaksanakan sejajar dengan usaha kementerian pendidikan Malaysia. Susun atur meja yang berteraskan PAK21 membolehkan murid berinteraksi dan melaksanakan kolaborasi bagi meningkatkan kemahiran berfikir. (Panduan pelaksanaan PAK21, 2017)

Namun di Malaysia, faktor fizikal bilik darjah masih diambil enteng dan tidak begitu diambil prihatin tentang peranan faktor persekitaran fizikal dalam menwujudkan persekitaran pembelajaran yang baik. Faktor pesekitaran di dalam kajian ini ialah kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran. Menurut (Che Nizam et. al, 2012) ruang pembelajaran di dalam bilik darjah sendiri masih tidak memenuhi keperluan pelajar dan guru.





Selain itu, terdapat juga kajian yang menyatakan disebabkan pelajar yang terlalu ramai di dalam bilik darjah faktor persekitaran bilik darjah seperti kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran secara tidak langsung menjadi salah satu peranan penting dan mempengaruhi pencapaian akademik, motivasi dan tingkah laku pelajar. (Che Nidzam et, al. 2014).

Berbalik di dalam konteks Malaysia, bilangan pelajar yang ramai di sekolah bilangan pelajar yang ramai menjadikan ruang pembelajaran menjadi terhad. Dua bilik darjah yang mempunyai saiz yang sama perlu menampung bilangan yang sama atau lebih. Tambahan lagi, pemilihan tempat duduk dan susun atur tempat duduk di dalam bilik darjah memberi impak kepada sesi pembelajaran. Susun atur kedudukan di dalam kelas yang kurang sesuai akan menyebabkan pencapaian akademik pelajar dan tahap penumpuan di dalam bilik darjah menurun dan ini dipengaruhi oleh dimana tempat duduk pelajar itu di dalam kelas. (Giselle, 2018)

Di dalam konteks persekitaran bilik darjah di Malaysia, walaupun PAK21 telah dijalankan daripada 2015 namun masih ada lagi sekolah-sekolah di Malaysia yang mengamalkan susun atur bilik darjah jenis traditional. Namun mengikut kajian lepas susun atur meja secara traditional biasanya terhad untuk membuat aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah. Weistein (1979) kenyataan ini meunjukkan susun atur traditional hanya sesuai untuk pembelajaran berpusatkan guru sahaja dan bukanlah berpusatkan pelajar selaras dengan PAK21 yang dijalankan sekarang.

Dalam era pendidikan yang menggunakan PAK21 di sekolah, masih ada guru dan pihak tertentu tidak mengambil berat berkaitan dengan isu susunan atur meja di dalam bilik darjah. Perabot yang mendominasi persekitaran kerja murid di dalam bilik darjah ialah meja, kerusi dan rak buku. (Jannah Amirul, 2015). Susun atur meja haruslah sesuai dengan pelajar, dan boleh memjadikan penggerakan lebih bebas dan mudah untuk dibersihkan serta tahan lama. (Furniture industry research association (FIRA) 2008) di dalam (Jannah Amirul, 2015).





Mengikut PAK21 terdapat beberapa penyusunan meja yang mengfokuskan kepada interaksi pelajar dan berpusatkan pelajar, namun (Nurmala, 2014) kajiannya menyatakan penyusunan meja belajar yang tidak sesuai seperti susunan meja yang memerlukan ruang yang terlampau banyak. Susunan meja yang memerlukan ruang yang banyak hanya sesuai dengan kelas yang mempunyai populasi kecil atau ruang kelas yang besar. Keputusan kajian lepas juga menyatakan masih ramai pelajar yang tidak berpuas hati dengan persekitaran fizikal pembelajaran yang sedia ada. (Che Nidzam et. al, 2014) kajian menunjukkan aspek fizikal persekitaran bilik darjah masih lagi ditahap sederhana dan kurang memenuhi keperluan guru dan pelajar di sekolah.

(Pace dan Price, 2005) berpendapat susun atur kedudukan di dalam bilik darjah memberi kesan yang signifikan kepada tingkah laku dan ianya memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar. Jenis susun atur meja juga mempengaruhi persekitaran pembelajaran dengan memberi keselesaan dan penglihatan yang lebih jelas dan meningkatkan penglibatan dan pergerakan dalam melakukan aktiviti. Namun pada masa kini perhatian masih kurang berikan kepada kesan yang bakal berlaku disebabkan oleh kedudukan tempat duduk yang tidak sesuai dengan PAK21 di dalam bilik darjah. Ruang dalam bilik darjah yang dibatasi dinding konkrit, kekurangan elemen semula jadi serta kemudahan-kemudahan fizikal yang terhad, kerusi-meja disusun secara kurang tepat, papan tulis dan alat bantu mengajar digunakan oleh dua puluh hingga lima puluh orang pelajar menyebabkan suasana pembelajaran menjadi kurang kondusif dan pembelajaran berpusatkan murid susah untuk dilakukan di dalam bilik darjah. (Muriza Mustapa, 2006)

Oleh itu, di dalam konteks sekolah di Malaysia pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 masih lagi di dalam peringkat awal dan kedudukan pelajar, susun atur meja dan ruang pembelajaran di dalam bilik darjah juga masih baru dijalankan dan masih banyak perkara yang perlu dilakukan oleh pihak kementerian dan sekolah. Tidak banyak juga kajian yang dilakukan bagi melihat kesan susun atur meja terhadap pencapaian akademik pelajar. Aspek meja dan kerusi yang disediakan didapati mempunyai reka bentuk yang kurang memuaskan hati pelajar dan tidak selesa untuk digunakan dalam tempoh masa yang lama di dalam pembelajaran (Che Nizam et. al, 2014)





Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pengaruh faktor kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran PAK21 terhadap tahap pencapaian pelajar.

1.4 Objektif kajian

- i. Mengenalpasti pengaruh kedudukan pelajar di dalam bilik darjah terhadap tahap pencapaian akademik pelajar
- ii. Mengenalpasti pengaruh susun atur meja di dalam bilik darjah terhadap tahap pencapaian akademik pelajar
- iii. Mengenalpasti pengaruh ruang pembelajaran di dalam bilik darjah terhadap tahap pencapaian akademik pelajar.



1.5 Persoalan kajian

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Adakah kedudukan pelajar di dalam bilik darjah menmpengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar?
- ii. Adakah susun atur meja di dalam bilik darjah mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar?
- iii. Adakah ruang pembelajaran di dalam bilik darjah mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar?





1.6 Definisi operasi

Bagi memastikan tiada istilah yang menjadikan pembaca keliru di dalam kajian, pengkaji telah memberikan definisi bagi setiap istilah-istilah yang sering digunakan. Ianya penting bagi memastikan istilah tersebut selari dengan objektif kajian. Ringkasan definisi penting yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.6.1 Persekutaran fizikal

Persekutaran fizikal merujuk kepada ciri ciri fizikal bilik. Fizikal yang baik persekitarannya mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap kecekapan mana-mana organisasi dan bertindak sebagai elemen pemangkin untuk mencapai objektif sesebuah organisasi (Qaiser Suleman, 2014) persekitaran fizikal di dalam kajian ini merujuk kepada kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran di dalam bilik darjah yang mampu memberi kesan terhadap pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar di sekolah.



1.6.2 Kedudukan tempat duduk

Menurut (Amanda Careena, Jinyang Huang dan Vince Rinaldo, 2011) kedudukan tempat duduk ialah menunjukkan dimana seorang pelajar duduk di dalam bilik darjah. Kedudukan tempat duduk mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar dan penglibatan pelajar di dalam bilik darjah. (Budge, Marx, Fuhrer dan Hartig 2000 Wannarka dan Ruhl, 2008 Weinstein, 1979 di dalam Amanda careena et. al, 2011) di dalam kajian ini definisi kedudukan tempat duduk adalah termasuk kedudukan di bahagian hadapan, tengah, belakang, pemilihan sendiri dan sebagainya.





1.6.3 Susun Atur Meja

Susun atur meja menurut (Gremmen, 2016) ialah di mana susunan meja dan kerusi di dalam bilik darjah yang boleh disesuaikan dan menjadi fleksibel bagi merangsang penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran. Di dalam kajian ini terdapat beberapa susun atur meja yang dikaji antaranya ialah susuan meja secara berkumpulan, susun atur yang bersesuaian dengan aktiviti pembelajaran dan susun atur meja yang lebih dekat dengan guru dan rakan.

1.6.4 Ruang pembelajaran

Dalam dapatan kajian yang dijalankan berkaitan dengan persekitaran bilik darjah, dapatan menunjukkan pelajar berpendapat ruang pembelajaran yang pelajar mahukan adalah ruang pembelajaran yang boleh disesuaikan dengan aktiviti pembelajaran dan mempunyai ruang yang luas dan mencukupi bagi menjalankan aktiviti pembelajaran (Che Nidzam et. al, 2014) Ruang pembelajaran yang dimaksudkan di dalam kajian ini pula antaranya adalah ruang pembelajaran yang mampu memberi keselesaan kepada pelajar sewaktu melakukan aktiviti dan bersesuaian dengan bilangan pelajar di dalam bilik darjah.

1.6.5 Pencapaian akademik

Pencapaian akademik didefinisikan sebagai kayu pengukur terhadap perbezaan tahap pemerhatian dan tingkah laku pelajar terhadap pembelajaran (Abdullah Yusuf, 2002). Menurut (Mohd Zakaria, 2007), pencapaian akademik lebih memberi fokus kepada gred yang diperolehi oleh pelajar dalam peperiksaan yang diambil. Bagi kajian ini tahap pencapaian akademik pelajar diambil dari ujian akhir tahun pelajar tingkatan 4. Keputusan yang diambil ialah dari subjek umum di sekolah.





1.7 Struktur kajian

Bagi kajian ini, pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada lima bab. Ini bagi memastikan setiap isi penting untuk kajian ini dapat disampaikan dengan tepat. Bab 1 di dalam kajian ini menerangkan tentang konsep secara umum pembelajaran abad ke 21 di Malaysia, seterusnya menerangkan tujuan kajian secara terperinci. Di dalam bab dua pula, pengkaji menerangkan berkaitan dengan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kajian-kajian lepas akan diuji mengikut hipotesis yang dibuat.

Di dalam bab tiga pula, pengkaji mengfokuskan tentang metodologi yang digunakan di dalam kajian ini. Bab ini juga menerangkan tentang sampel dan bagaimana data dikumpul sebelum dimasukkan ke dalam SPSS. Bab ini juga menerangkan tentang skop bagi kajian ini. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar tingkatan empat sekolah menengah kebangsaan seksyen 10 Kota Damansara.



Di dalam bab empat pula, pengkaji menjelaskan hasil daripada kajian yang telah dijalankan dan daripada data yang telah dikumpul berkaitan dengan faktor-faktor yang dikaji. Di dalam bab lima iaitu bab terakhir di dalam kajian ini menerangkan dapatan utama yang telah diringkaskan dan pengkaji juga menerangkan sedikit sebanyak berkaitan idea dan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk kajian di masa akan datang.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 10 Kota Damansara dan dengan ini keputusan kajian tidak boleh digunakan kepada pelajar di kawasan lain. Terdapat beberapa batasan di dalam kajian ini antaranya ialahkekangan masa yang berlaku di dalam tempoh kajian ini berlangsung, kekangan dalam mengumpul data kerana pada waktu pengumpulan data yang dibuat pelajar





sekolah ramai tidak menghadirkan diri di sekolah. Kajian ini mengfokuskan kepada faktor persekitaran bilik darjah iaitu kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran oleh itu kajian ini hanya memfokuskan kepada tiga faktor itu sahaja tanpa melihat kepada faktor-faktor lain yang boleh memberi kesan kepada pembelajaran dan pengajaran murid. Faktor persekitaran bilik darjah juga dinilai berdasarkan persepsi pelajar sahaja dan dihubungkaitkan dengan keputusan peperiksaan mereka. Walaupun kajian melibatkan jumlah seluruh tingkatan 4 SMK10 namun disebabkan kehadiran pelajar yang tidak memuaskan menyebabkan jumlah yang sepatutnya tidak dapat dikumpulkan, hanya mendapat 146 pelajar sahaja. Selain daripada itu, bagi instrumen kajian ini dinilai berdasarkan tiga konstruk utama iaitu kedudukan di dalam kelas, susun atur meja dan ruang pembelajaran. Kesahan bagi instrumen yang dibina ditentukan menggunakan kesahan muka dan kesahan kandungan manakala kebolehpercayaan instrumen ditentukan menggunakan nilai alfa Cronbach di bawah sub program kebolehpercayaan dalam perisian SPSS.





1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya bab ini telah menerangkan tentang perubahan pembelajaran yang telah di laksanakan oleh pihak kementerian dengan memperkenalkan PAK21 kepada sistem pembelajaran di sekolah yang baharu. Oleh itu, bab ini telah memfokuskan tentang perubahan faktor persekitaran yang memberi pengaruh kepada tahap pembelajaran pelajar. Kajian ini telah mengkhususkan kepada faktor kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran di dalam bilik darjah. Di dalam pernyataan masalah, dapat dirumuskan bahawa faktor persekitaran pembelajaran bilik darjah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap pembelajaran pelajar di sekolah.

Oleh itu, kajian ini dicadangkan untuk menegnlpasti faktor kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran di dalam kelas sedia ada di sekolah sekarang bersesuaian dengan pembelajaran pak21 yang baharu dan pengaruh kepada tahap pembelajaran dikalangan pelajar. Bab seterusnya iaitu dalam tinjauan literature pengkaji akan cuba membincangkan mengenai definisi kedudukan tempat duduk, susun atur meja dan ruang pembelajaran dari perspektif yang berseuaian dengan kajian. Selain itu pengakji juga akan cuba membincangkan teori-teori yang akan digunakan di dalam kajian ini.

